

SOALAN NO: 147

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

SOALAN:

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah Kerajaan mengawal selia syarikat-syarikat yang tidak mahu mengambil pekerja tempatan dan mengisi jawatan tersebut pada pekerja asing.

PR-1352-T00721

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian komited untuk memastikan warganegara diutamakan mendapat pekerjaan. Melalui perkhidmatan atas talian *JobsMalaysia*, pencari-pencari kerja akan dipadankan dengan kekosongan jawatan yang didaftarkan oleh majikan mengikut keperluan pekerjaan dan kelayakan akademik yang dikehendaki. Kemudahan ini juga boleh diperolehi di 54 buah Pejabat Tenaga Kerja (PTK) di Semenanjung, di 14 buah pejabat PTK Sabah dan di 16 buah PTK Sarawak serta di 21 *JobsMalaysia Centre*(JMC).

2. Pengambilan pekerja asing tertakluk kepada peraturan, dasar dan pelbagai prosedur yang perlu diikuti sebelum dibenarkan bekerja di negara ini. Majikan adalah diwajibkan untuk mengiklankan kekosongan jawatan di bawah Jabatan Tenaga Kerja (JTK) dan sekiranya majikan berkenaan gagal berbuat demikian, permohonan mereka untuk mendapatkan pekerja asing tidak akan disokong.

3. Untuk mengawal kemasukan pekerja asing dan demi menjamin peluang pekerjaan rakyat tempatan tidak terjejas, kerajaan telah menetapkan nisbah di antara pekerja tempatan dan pekerja asing bagi setiap sektor dan subsektor yang dibenarkan. Sebagai contoh, bagi sektor perkilangan, syarikat yang berorientasikan eksport nisbah kelayakan bagi pekerja tempatan kepada pekerja asing adalah 1:3. Manakala bagi syarikat yang bukan berorientasikan eksport, nisbah

kelayakan ialah 1:1 dan syarikat dalam subsektor elektrik dan elektronik nisbah kelayakan ialah 2:1. Oleh yang demikian, sekiranya majikan gagal mengiklankan kekosongan jawatan dan enggan mematuhi syarat-syarat dan prosedur, surat perakuan JTK tidak akan dikeluarkan dan majikan tersebut tidak boleh meneruskan niat menggajikan pekerja asing.

4. Di bawah Akta Kerja 1955 (Akta 265), seksyen 60M, memperuntukkan tiada majikan boleh menamatkan perkhidmatan pekerja tempatan dengan tujuan mengambil kerja seseorang pekerja asing. Di bawah akta yang sama, menurut seksyen 60N, sekiranya majikan dikehendaki mengurangkan tenaga kerjanya oleh sebab lebihan pekerja yang memerlukan pengurangan pekerja, maka majikan tidaklah boleh menamatkan perkhidmatan seseorang pekerja tempatan melainkan pekerja asing dalam kategori pekerjaan yang sama ditamatkan terlebih dahulu.

5. Antara usaha-usaha juga dijalankan oleh kementerian bagi menggalakkan warganegara merebut peluang pekerjaan yang ditawarkan adalah melalui mekanisme Program Penempatan Pekerjaan (3P) antaranya Karnival Kerjaya, Temuduga Terbuka, Kembara Kerjaya, Lawatan Keperluan Guna Tenaga, Kerjasama dengan Agensi Lain, *Holiday Placement For Students* dan Program Penyesuaian Kerjaya serta Lawatan Keperluan Guna Tenaga ke syarikat-syarikat dijalankan bagi mengesan kekosongan jawatan bagi menawarkan calon-calon yg telah mendaftar.

6. Kerajaan menerusi kerjasama pelbagai kementerian dan agensi telah merangka dan menawarkan pelbagai program bagi meningkatkan kebolehpekerjaan pencari kerja tempatan. Antaranya adalah *Program Graduates Enhancement Programme for Employability (GENERATE)* oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, dan Program Pekerja dan *Future Worker* oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK). Melalui persijilan (*dual certification*) dan juga program-program persijilan profesional dan memperkasakan Program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) serta penubuhan Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) di seluruh negara dengan menyediakan kemudahan pinjaman melalui Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK), dapat meningkatkan kebolehpasaran rakyat tempatan.

7. Untuk makluman Dewan yang Mulia, JTK telah menubuhkan Jawatankuasa Penggajian Pekerja Tempatan sebagai satu inisiatif khusus bagi menempatkan pencari kerja tempatan di syarikat-syarikat yang memohon menggajikan pekerja asing. Pada tahun 2016 JTK telah berjaya menempatkan seramai 5,754 orang pencari kerja tempatan kepada 661 majikan yang memohon pekerja asing. Pada Tahun 2017 sehingga Mei 2017, sebanyak 788 majikan terlibat dalam aktiviti ini, seramai 4,238 orang pencari kerja tempatan berjaya ditempatkan.